



AKTIVITI: Mengocot dinding balai raya Kg Pituru.



BISNES: Penganalan perladangan pokok Eucalyptus pelita.



LAMBANG KERJASAMA: Membina mercu tanda Kg Bongkol.

## Membina jaringan kerjasama penduduk desa

Pemindahan ilmu PPIB UMS beri pengenalan bahasa asing, e-perniagaan, tanam pokok Eucalyptus

UB 04.12.2021 P.03

**PITAS:** Program Pemindahan Ilmu Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kg Pituru dan Bongkol di sini 26-27 Nov lalu memberi manfaat kepada penduduk dalam aspek pengenalan bahasa asing dan e-perniagaan.

Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Khidmat Komuniti, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Prof. Madya Dr Halina Sendera Mohd Yakin yang mengiringi rombongan kira-kira 20 tenaga akademik staf sokongan dan pelajar memberitahu program itu bertujuan membina jaringan kerjasama dengan organisasi luar serta penduduk kampung.

"Program ini juga membina jaringan dengan komuniti setempat menerusi program dan aktiviti gotong royong serta pemindahan ilmu," katanya sambil menambah, peserta dari UMS juga mendapat ilmu tentang penanaman pokok eucalyptus pelita oleh Acacia Forest Industries (AFI).

Program bertemakan 'Love Green Pitas' itu dilaksanakan hasil kerjasama di antara PPIB UMS dan Acacia Forest Industries Sdn Bhd serta penduduk dari dua kampung berkenaan.

Pelaksanaan program di Kg Pituru dan Kg Bongkol turut mendapat dukungan Ketua Kampung (KK) dan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung (JPKK) dua kampung tersebut.



MENCABAR: Perjalanan ke perkampungan di Pitas.



GOTONG-ROYONG: Mamparbaiki balai serba guna Kg Bongkol.

Aktiviti gotong-royong melibatkan kerja bersama memperbaiki dan mengocot dinding balai raya Kg Pituru, membersihkan, memperbaiki dan mengocot tapak tamu, arena futsal dan balai serba guna serta membuat mercu tanda Kg Bongkol.

Manakala pemindahan

ilmu melibatkan pengenalan bahasa-bahasa asing seperti English, Mandarin dan Perancis serta kursus asas e-perniagaan yang dikendalikan ahli-ahli akademik PPIB.

Sementara staf AFI memberikan taklimat kepada peserta dari UMS berhubung penanaman dan perladangan



BERMANFAAT: Para peserta yang terlibat dalam program di Kg Pituru dan Kg Bongkol.

pokok Eucalyptus pelita yang menjadi aktiviti niaga utama syarikat berkenaan.

Program bersama masyarakat di sini dikendalikan Dr Abdul Hair Beddu Assis selaku Ketua Program CSR Knowledge Transfer yang juga Pengerusi Jawatankuasa Libatsama Komuniti PPIB.

Ahli-ahli akademik yang mengendalikan pemindahan

ilmu terdiri daripada Dr Mohd Norazan Abdullah, Dr Rudy Ansar, Mohamad Aqmal Hafidz Musa, Kwan Yien Yee dan Azeq Marnitta Lagason.

Turut serta dalam rombongan UMS ialah Dr Abang Mohamad Razif Abang Muis, Erwin Rusfian Rukkung, Amina Ali, Nur Atikah Rahman, Mohammad Faz-

ley Madnin, Saidatul Sahrah Adam, Nevashiny A/P Karuppiyah, Fauziah Nasir serta beberapa orang pelajar PLUMS.

Pelaksanaan program mendapat sokongan padu Dekan PPIB Prof. Madya Dr Lai Yew Meng dan Ketua Pentadbiran PPIB, Timbalan Pendaftar Sirahim Abdullah.